



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 3 FEBRUARI 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	12,800kg AISKRIM CHINA GAGAL MASUK MALAYSIA, NEGARA, KOSMO -16 CUBAAN BAWA MASUK LIMAU, KERATAN BUNGA SEGAR GAGAL, LOKAL, HM -18	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12.	HARGA BENDI, SAYUR LAIN NAIK 166%, NEGARA, KOSMO -16 KENAIKAN SEHINGGA 71.43%, LOKAL, HM -18 BEKALAN MENCUKUPI UNTUK TAMPUNG KEPERLUAN PENGGUNA, LOKAL, HM -18 CAP: TAKE IMMEDIATE ACTION TO LOWER VEGETABLE PRICES, KWONG WAH YIT POH -ONLINE PADI HUMA SIK JADI REBUTAN PENDUDUK, NEGARA, KOSMO -4 PADI HUMA LANDAI BERBUAH, DALAM NEGERI, UM -30 BAJET 2023: KERAJAAN PERLU FOKUS SEKTOR PERTANIAN, EKONOMI, UM -35 HARGA SAYUR NAIK HINGGA RM5 SEKILOGRAM, NASIONAL, SH -8 CUACA BURUK, BANJIR PUNCA TANAMAN SAYUR KURANG HASIL, NASIONAL, SH -9 PENIAGA SAYUR BERDEPAN RISIKO KERUGIAN, NASIONAL, SH -9	LAIN-LAIN

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

CAP mendakwa harga makanan itu naik mendadak awal tahun

Harga bendi, sayur lain naik 166%

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA

SEBERANG PERAI – Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mendakwa harga sayur-sayuran naik mendadak sejak awal tahun ini dengan bendi merekodkan kenaikan harga tertinggi sebanyak 166 peratus iaitu daripada RM6 kepada RM16.

Presidennya, Mohideen Abdul Kader dalam satu kenyataan menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengambil langkah segera untuk menurunkan harga

sayur ketika ini.

Katanya, selain bendi, turut merekodkan peningkatan luar biasa ialah tomato iaitu sebanyak 120 peratus daripada RM4.50 kepada RM10 dan kacang panjang iaitu peningkatan 100 peratus daripada RM6 kepada RM12.

Jelasnya, sayur-sayuran lain yang juga mengalami kenaikan harga mendadak sehingga 100 peratus ialah kacang buncis iaitu daripada RM6 kepada RM12 dan terung bulat (kenaikan 71 peratus) daripada RM7 kepada RM12.

"Beberapa peruncit mengadu bahawa pengekar dan pemborong telah memberi amaran

kepada mereka bahawa harga sayur-sayuran lain mungkin akan naik lagi dalam beberapa minggu akan datang.

"CAP menyeru Bahagian Penguatkuasaan KPDN untuk menyiasat kenaikan harga sayur ini memandangkan golongan berpendapatan rendah khususnya akan terjejas teruk dengan kenaikan harga barang," katanya.

Mohideen menambah, pihaknya juga telah berulang kali menggesa FAMA untuk mengawal pemasaran dan pengedaran sayur-sayuran di negara ini bagi menghapuskan orang tengah yang mengaut keuntungan.



HARGA bendi didakwa naik daripada RM6 hingga RM16 baru-baru ini.

12,800kg aiskrim China gagal masuk Malaysia

KLANG – Tindakan sebuah syarikat tempatan membawa masuk 12,800 kilogram (kg) aiskrim dari China tanpa permit import membawa padah apabila barangan itu ditahan di Pelabuhan Barat, baru-baru ini.

Penahanan kesemua barangan bernilai RM26,000 yang diletakkan dalam sebuah kontena dilakukan kira-kira pukul 12 tengah hari, Sabtu lalu.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor, Mohd. Sobri Md. Hashim berkata, berdasarkan semakan mendapati kontena tersebut telah berada di pelabuhan berkenaan sejak 13 Disember lalu.

Katanya, pemeriksaan ter-

hadap kontena itu menemui 3,546 kanton hasilan tenusu iaitu aiskrim.

"Hasil pemeriksaan mendapati syarikat tempatan itu gagal mengemukakan dokumen Permit Import yang sah.

"Semakan turut mendapati ia adalah kesalahan pertama melibatkan syarikat tempatan itu," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Beliau menegaskan, les disiasat mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama sehingga enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.



SEBUAH kontena aiskrim import dari China yang dirampas di Pelabuhan Barat, Klang baru-baru ini.

Oleh Siti Aminah
Mohd Yusof
am@hmetro.com.my

Bukit Mertajam

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) Pulau Pinang memaklumkan pergerakan harga purata membabitkan 10 jenis sayuran di negeri ini merekodkan kenaikan sehingga 71.43 peratus berbanding semalam.

Pengarahnya S Jegan berkata, daripada 41 jenis sayuran yang dipantau setiap hari itu, 10 daripadanya iaitu tomato me-



Kenaikan sehingga 71.43%

Harga membabitkan 10 jenis sayuran berdasarkan pemantauan pada 1 Februari

rekodkan kenaikan antara 6.58 peratus hingga 71.43 peratus, timun 4.18 peratus hingga 40 peratus, bendi 3.85 peratus hingga 60 peratus dan sawi 7.69 peratus hingga 50.25 peratus setiap kilogram (kg).

Katanya, berdasarkan pemantauan terhadap 45 pasar awam, 13 pasar raya besar dan 18 pasar raya membabitkan 186 barangan, KPDN negeri turut mendapati terdapat 10 jenis barangan mengalami penurunan harga dalam tempoh itu antaranya kubis bulat 10.02 peratus

hingga 20.04 peratus, brokoli 7.69 peratus hingga 23.08 peratus, kacang buncis 6.67 peratus hingga 14.29 peratus dan timun 9.09 peratus hingga 16.09 peratus bagi setiap kg.

"Kita memang turun pada setiap hari tidak kira cuti umum atau Sabtu Ahad untuk mendapatkan maklumat harga yang dikemas kini dalam aplikasi Price Catcher untuk perbandingan harga terendah dan segala maklumat berkaitan.

"Jadi secara spesifik pegawai kita menjalankan siasatan dan hasil pemantauan sehingga kini mendapati harga runcit bagi enam sayuran terpilih, meliputi bendi ialah RM10 hingga RM15, buncis RM14 hingga RM18, kacang panjang RM10 hingga RM12 dan tomato RM11 hingga RM14 per kg," ka-

tanya dalam sidang media di sini, semalam.

Belliau berkata demikian mengulas aduan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) yang mendakwa harga sayuran meningkat sehingga 160 peratus sejak sebulan lalu.

Jegan berkata, pihaknya turut khuatir peningkatan kadar yang dinyatakan itu kurang tepat dan berkeungkinan terdapat kekeliruan dalam perbandingan harga membatikannya.

Yuran organik misalnya seperti lobak organik yang mencecah RM24 dan tomato organik RM20 per kg.

"Jadi untuk segmen sayuran ini kita akui harga tinggi tetapi tanaman tempatan yang lain memang ada berlaku sedikit peningkatan akibat faktor cuaca tetapi peningkatan yang berlaku tidak ketara seperti didakwa sehingga mencapai 160 peratus.

"Berdasarkan tinjauan

yang dilakukan kita takut ada kekeliruan wujud yang mana harga tanaman organik diambil serta dibandingkan dengan tanaman tempatan dan jika itu berlaku sememangnya akan menunjukkan perbezaan besar," katanya.

Kelmarin, Presiden CAP, Mohideen Abdul Kader, dalam satu kenyataan media berkata pihaknya turut menerima aduan daripada peruncit yang mendakwa bahawa pengedar dan pemborong turut memberi amaran bahawa harga sayur dijangka akan meningkat beberapa minggu akan datang.

"Kita dapat maklumat harga dikemas kini dalam aplikasi Price Catcher"
S Jegan



Kota Bharu: Harga beberapa sayur-sayuran mengalami turun naik sejak lebih seminggu lalu, namun bekalnya mencukupi untuk menampung keperluan pengguna.

Tinjauan yang dilakukan di Pasar Besar Siti Khadijah di sini mendapati antara sayur-sayuran yang mengalami kenaikan harga adalah terung yang dijual pada RM7 kepada RM8 sekilogram, kacang panjang daripada RM10 kepada RM11 sekilogram, tomato dari RM9 kepada RM10 sekilogram, manakala limau nipis dari RM7 kepada RM8

Bekalan mencukupi untuk tampung keperluan pengguna

sekilogram. Peniaga sayur Noriah Adam, 49, berkata, walaupun harga sayuran turun naik, namun dia tidak berhadapan dengan masalah kekurangan bekalan kerana ia dihantar seperti biasa setiap hari.

"Harga beberapa jenis sayuran mengalami kenaikan berpunca daripada kos yang ditanggung di pelbagai pe-

ringkat rantaian bekalan yang menggunakan khidmat orang tengah sebelum ia sampai kepada peniaga.

"Situasi ini berlaku bukan berpunca daripada peniaga atau pemborong, tetapi daripada rantaian bekalan yang membabitkan orang tengah sekali gus menyebabkan harga bekalan yang diterima lebih mahal.

"Apabila harga sayuran

meningkat, ia sebenarnya menyukarkan peniaga untuk menetapkan harga baharu kerana pelanggan sudah mula membandingkan harga yang ditetapkan oleh setiap peniaga," katanya ketika ditemui semalam.

Sementara itu, tinjauan juga mendapati bekalan ikan mencukupi selain harganya juga menurun berbanding sebelum ini.

Peniaga ikan, Zahari Ismail, 67, berkata, harga ikan sedikit menurun pada bulan ini berbanding Disember lalu susulan berlakunya banjir.

"Pada pertengahan Januari lalu, harga ikan turun berikutan stok harian mula meningkat selepas nelayan boleh kembali ke laut seperti sedia kala.

"Kebiasaannya saya mengambil bekalan ikan ini daripada pemborong di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) selain dari Thailand untuk memenuhi permintaan pelanggan.

"Antara ikan yang mengalami penurunan harga ialah ikan selayang yang dijual menurun dari RM14 kepada RM7 sekilogram dan ikan kembung dari RM25 kepada RM18 sekilogram berbanding sebelum ini," katanya.

Cubaan bawa masuk limau, keratan bunga segar gagal

Pengerang: Cubaan seorang penumpang feri membawa masuk limau dan keratan bunga segar dengan menyembunyikannya dalam beg bagasi pakaian gagal selepas pemeriksaan di Terminal Feri Tanjung Pengelih di sini, semalam.

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Johor dalam satu kenyataan media berkata, siasatan mendapati penumpang dari Singapura itu cuba membawa masuk barangan pertanian seberat 15 kilogram tanpa sebarang do-

kumen iaitu Permit Import Maqis dan Sijil Fitosanitasi.

"Perbuatan mengimport apa-apa jenis keluaran pertanian tanpa permit import Maqis adalah suatu kesalahan di bawah Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11 (3) akta sama.

"Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.



TINJAUAN di Pasar Besar Siti Khadijah mendapati beberapa sayur-sayuran mengalami turun naik harga sejak lebih seminggu lalu, namun bekalnya mencukupi. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR



PENUMPANG feri cuba membawa masuk limau dan keratan bunga segar ketika pemeriksaan di Terminal Feri Tanjung Pengelih. - Gambar Maqis



03 FEB, 2023

CAP: Take immediate action to lower vegetable prices

Kwong Wah Yit Poh, Malaysia

Page 1 of 2

檳消协:降低蔬菜价 促请当局立即行动

(檳城 2 日讯) 檳城消费人协会促请国内贸易及生活成本部和联邦农业销售局立即采取行动, 降低过去一个月内高涨 160% 的蔬菜价格。

檳消协主席莫希丁阿都卡通发文告, 列出数样蔬菜在起价前及起价后的价格。

其中, 涨幅最高的是羊角豆(秋葵), 从每公斤 6 令吉涨至 16 令吉, 涨价幅度为 166%。其次是番茄, 从每公斤 4 令吉 50 仙涨至 10 令吉, 涨幅为 120%。

另外, 长豆及鹰嘴豆涨幅是 100%, 从原本的每公斤 6 令吉涨至 12 令吉。圆茄子也从每公斤 7 令吉涨至 12 令吉, 涨幅为 71%。

“一些零售商抱怨说, 分销商及批发商已告知他们, 其他蔬菜在未来数周也可能会涨价。”

对此, 他呼吁国内贸易及生活成本部执法组调查蔬菜起价一事, 避免低收入群体受百货高涨影响, 同时也严打胡乱涨价及违反价格控制与反暴利法令的商家。

他说, 檳消协曾多次呼吁联邦农业销售局, 国内的蔬菜市场及分销, 杜绝中间商谋取暴利, 遗憾的是, 这些呼吁却被当局置若罔闻。#



莫希丁阿都卡通。



03 FEB, 2023

CAP: Take immediate action to lower vegetable prices

Kwong Wah Yit Poh, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

檳消协：降低蔬菜价 促请当局立即行动(檳城2 日讯)

檳城消费人协会促请国内贸易及生活成本部和联邦农业销售局立即采取行动，降低过去一个月内高涨160%的蔬菜价格。檳消协主席莫希丁阿都卡迪发文告，列出数样蔬菜在起价前及起价后的价格。其中，涨幅最高的是羊角豆(秋葵)，从每公斤6令吉涨至16令吉，涨价幅度为166%。其次是番茄，从每公斤4令吉50仙涨至10令吉，涨幅为120%。另外，长豆及鹰嘴豆涨幅

Padi huma Sik jadi rebutan penduduk

SIK – Sepasang suami isteri gembira apabila tanaman padi huma seluas dua hektar yang diusahakan mereka sejak tiga tahun lalu hidup subur dan dijangka mengeluarkan hasil tuaian* sehingga 190 kilogram (kg) musim ini.

Mohd. Zain Taib, 59, dan isteri, Hawiah Wahab, 55, dari Kampung Melaka dalam mukim Sok, di sini berkata, mereka kini tidak menyang tangan memandangkan beras tersebut mendapat permintaan tinggi daripada orang ramai.

Menurut Mohd. Zain, padi huma jenis padi langsung atau padi putih yang ditanam pada Ogos tahun lepas itu sudah masak dan boleh dituai.

"Saya dan isteri mula menanam padi huma ini sejak tiga tahun lalu dan hasilnya sangat menjadi.

"Kami tidak menyang tangan untuk memenuhi permintaan orang ramai yang mahu merasa

beras baharu daripada padi huma ini," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Katanya, nasi daripada beras padi huma berbau wangi dan sedap.

"Ia akan lebih sedap jika dimasak menggunakan dapur kayu serta dimakan bersama gulai batang keladi, ikan pekasam selain ikan sungai yang dibakar bersama sambal serta ulam-ulaman," ujarnya.

Jelasnya, permintaan beras padi huma pada tahun ini sangat tinggi walaupun harganya RM25 sekilogram.

"Bagi membolehkan setiap pelanggan dapat merasa beras padi huma ini, saya akan jual dengan cara mengagihkannya sama rata," katanya.

Sementara itu, katanya, proses penanaman dan penjagaan padi itu mudah kerana tidak memerlukan air yang banyak dan cukup sekadar bekalan air hujan.



MOHD. ZAIN (empat dari kiri) dan orang kampung gembira menuai padi huma yang telah masak ketika berada di petak sawah padi huma di Kampung Melaka, Sik semalam.



MOHD. ZAIN TAIB (empat dari kiri) bersama penduduk kampung gambira melihat hasil tuai padi huma yang masak di Kampung Melaka. Mukim Sok di Baling. - UTUSAN/NORLIA RAMLI

Harga mencecah RM25 sekilogram

Padi huma landai berbuah

Oleh NORLIA RAMLI
utusannews@mediahula.com.my

BALING: Penduduk Kampung Melaka, Mukim Sok di sini rasa berbaloi apabila tanaman padi huma yang ditubuhkan sejak tahun lalu berbuah dan boleh dituai.

Mohd. Zain Taib, 59, yang juga petani berkata, dia mula menanam padi jenis itu Ogos lalu, kini padi itu menguning dan boleh dituai.

"Saya dan isteri, Hawiah Wahab, 55, kini tidak menyang tungan untuk memenuhi permintaan orang ramai yang mahu merasa beras padi huma

"Berasnya sangat sedap, wangi, apatah lagi jika dimasak dengan menggunakan dapur kayu arang dan dimakan bersama gula batang keladi, ikan

pekasam, ikan sungai yang dibakar dan juga sambal serta ulam-ulaman," katanya ketika ditemui, semalam.

Menurutnya, permintaan beras padi huma pada tahun ini amat banyak walaupun harga sekilogram mencecah RM25 dan dijangkakan hasil tuai tahun ini boleh mengahapiri 190 kilogram dengan keluasan tanah dua hektar.

Sementara itu, bagi membolehkan setiap pelanggan merasa beras padi huma itu, Mohd. Zain akan menjual dengan timbangan sama rata agar setiap pembeli dapat merasa nikmat dan kesedapan nasi beras huma.

"Menanam padi huma jenis 'padi langsung' atau 'padi putih' ini tidak banyak karena ia tidak memerlukan air yang ba-

nyak, cukup sekadar bekalan air hujan yang turun.

"Namun, ancaman yang paling besar adalah burung-burung cak padi, belalang dan beberapa jenis serangga lagi, sekiranya tiada penjarangan yang elok kerana hasilnya kejau tidak akan menjadi atau berturangan," katanya. Tambahnya, setakat ini, Jabatan Pertanian Daerah Baling memberikan bantuan pukuk yang dipasang sebagai bumbung untuk mengelak burung-burung memakannya selain berupa baja organik, mesin pengasingan padi serta paip air.

Malah, hasil tuai yang lumayan itu menaikkan semangatnya dan isteri sehingga mereka bercadang untuk memperluas kawasan penanaman padi huma bagi memenuhi permintaan pelanggan.

Bajet 2023: Kerajaan perlu fokus sektor pertanian



Oleh SAYED HESHAM IDRIS
elonomi@utusan.com.my

IPOH: Kerajaan disaran menambah peruntukan untuk Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi merencanakan lagi sektor pertanian negara pada pembentangan Belanjawan 2023 24 Februari ini.

Yang Dipertua Dewan Permia-gaan Melayu Malaysia (DPPM) Perak, Datuk Muhammad Muhi-yuddin Abdullah berkata, menteri pertanian dan penternakan negara dapat dimajukan un-tuk memastikan keterjaminan bekalan makanan negara.

Menurutnya, apatah lagi ke-tika ini kebimbangan rakyat mengenai sekuriti makanan merupakan antara isu yang harus menjadi penekanan oleh kerajaan.

"Peruntukkan dalam sek-tor pertanian dan ternakan di bawah Kementerian Pertanian harus ditambah kerana hari ini sudah ramai yang terlibat dalam sektor ini terutama orang muda.

"Industri pertanian negara tidak lagi berasaskan kepada



SEKTOR pertanian yang berdaya maju akan memastikan negara mempunyai stok simpanan atau sekuriti makanan yang mencukupi untuk menghadapi sebarang kemungkinan. - GAMBAR HIASAN

pertanian secara tradisional tetapi menerusi penglibatan tenaga muda profesional, mereka menggunakan teknologi moden.

"Adalah penting untuk kera-jaan menyediakan peruntukkan yang lebih besar kepada golo-ngan ini agar lebih ramai usaha-wan muda dibantu, sekalipun memastikan sekuriti makanan negara terjamin.

"Kita bercakap soal bekalan ayam tak cukup, telur tak cukup tapi apa yang kita patut buat?"

"Jadi perbanyakkan pengli-

tinggi.

Bellau berkata, dalam perkara ini, kerajaan perlu mengkaji se-mula pusat-pusat latihan perta-nian sama ada di bawah Keme-nterian Pertanian atau di bawah Kementerian Sumber Manusia bagi memastikan hanya kur-sus yang benar-benar memberi manfaat dan diperlukan oleh golongan sasaran dilaksanakan.

"Perlu ada satu pusat pangka-lan data yang tersusun dan leng-kaap tentang keperluan kepada pasaran, jangan hanya sekadar membuat latihan," katanya.

Harga sayur naik hingga RM5 sekilogram

Peniaga tiada pilihan terpaksa naikkan harga kerana berlaku kenaikan harga borong

TANJONG KARANG

Tinjauan *Sinar Harian* di beberapa pasar awam di seluruh negara mendapati harga sayur mengalami kenaikan sehingga peniaga tiada pilihan terpaksa menaikkan harga barang keperluan rakyat itu.

Di Pasar Awam Tanjong Karang di sini, harga beberapa jenis sayuran mengalami kenaikan mendadak sehingga RM5 sekilogram sejak tujuh hari lalu.

Tinjauan mendapati peniaga terpaksa menaikkan harga sayuran berkenaan kerana berlaku kenaikan harga borong.

Peniaga sayur, Siti Aminah Mohamed Amir, 36, berkata, harga kacang panjang misalnya, mengalami kenaikan daripada RM10 sekilogram kepada RM15 sekilogram.

"Kacang panjang sememangnya mendapat permintaan tinggi dan harganya naik mendadak selepas Tahun Baharu Cina," katanya kepada *Sinar Harian* pada Khamis.

Jelas Siti Aminah, kenaikan harga tersebut dipercayai berpunca daripada kekurangan

bekalan sayuran di pasaran.

"Faktor lain seperti cuaca tidak menentu dan sering hujan sejak beberapa hari ini menyebabkan permintaan meningkat," katanya.

Peniaga sayur, Sawandi Berahim, 69, pula berkata, harga sayuran tidak stabil sejak beberapa minggu kebelakangan ini. "Sayur meranti dan kangkung misalnya, sebelum ini dijual RM4.50 sekilogram tetapi sekarang ia meningkat kepada RM7 sekilogram," katanya yang mula berniaga sejak 20 tahun lalu.

Seorang lagi peniaga sayur, Mohamad Jahari, 34, berkata, antara sayur yang naik harga ialah tomato iaitu daripada RM8 sekilogram dijual kepada RM12 sekilogram.

"Sayur lain yang turut mengalami kenaikan harga ialah kangkung daripada RM5 kepada RM7 sekilogram, manakala sayur pak choy daripada RM10 sekilogram kepada RM12 sekilogram," katanya.

Menurutnya, kenaikan harga sayur-sayuran di pasaran tempatan ketika ini mempunyai kaitan dengan peningkatan harga baja dan racun.

"Kos input pertanian naik mendadak dan perkembangan ini secara tidak langsung memberi kesan kepada kenaikan harga sayuran yang dijual di pasaran," ujarnya.

Di PULAU PINANG, peniaga sayur-sayuran di pasar awam di sekitar Seberang Perai tidak mempunyai pilihan, selain menaikkan harga jualan berikutan mendapat bekalan beberapa

LAPORAN KHAS

jenis sayuran dengan harga tinggi sejak kebelakangan ini.

Tinjauan mendapati rata-rata mereka mengakui kenaikan harga yang berlaku dalam tempoh sebulan ini agak mendadak, namun tidak dapat dipastikan apakah punca sebenar berikutan mendapatkan bekalan sayur-sayuran daripada orang tengah.

Peniaga di Pasar Awam Kepala Batas, Kuggan Saravanan berkata, bendi, timun, tomato dan kacang panjang antara sayuran yang meningkat harga sekali ganda tetapi masih mendapat permintaan pelanggan.

Menurutnya, kenaikan harga dipercayai berlaku akibat kekurangan tenaga kerja di kebun sayuran, selain kekurangan hasil berikutan cuaca tidak menentu sejak Januari lalu.

"Nak tak nak kami terpaksa jual dengan harga ini. Nasib baik pelanggan faham tetapi ada juga mengeluh dengan kenaikan yang berlaku," katanya.

Peniaga di Pasar Awam Sementara Seberang Jaya, Lim Kok Tek pula berkata, sepanjang 30 tahun dia menjual sayur-sayuran, kenaikan harga yang berlaku kali ini dianggap paling tinggi walaupun ia melibatkan sayuran "kampung".

"Sudah dua bulan harga sayur di sini tidak menentu. Memang agak mahal tapi kami (peniaga) pun bukan ambil untung banyak dan faham ramai pelanggan yang terkesan dengan kenaikan ini," ujarnya.

Seorang lagi peniaga, Yah Saad pula mendakwa kenaikan



Sayur kacang dan bendi antara sayuran yang mencatatkan kenaikan harga.

harga yang berlaku mungkin manipulasi orang tengah yang mengaut keuntungan lebih hingga menyebabkan peniaga seperti ini tersepit dan terpaksa menaikkan harga.

Katanya, ada dalam kalangan peniaga di pasar awam berkenaan yang terus mendapat bekalan sayuran dari kebun dengan harga lebih berpatutan.

"Kalau nak ambil terus daripada pekebun, mesti ambil stok bekalan yang banyak, sebab itu saya terpaksa ambil sayur-sayuran ini daripada pemborong sahaja sebelum dijual di sini dengan harga sedikit naik sejak dua minggu lalu," katanya.

Kekurangan bekalan

Di MELAKA, peniaga sayur di Pasar Besar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) Bachang di sini mendakwa kebanyakan harga sayur naik selepas Tahun Baharu Cina.

Peniaga, K Kumar, 43, berkata, antara sayuran yang sukar didapati termasuk kacang panjang dan dijual dengan harga lebih tinggi iaitu RM10.70 bagi sekilogram, berbanding harga sebelum perayaan antara RM6 hingga RM7 sahaja.

"Disebabkan masalah ini, saya yang bertahun menjual sayur rasa tak bersemangat nak berniaga sebab untung terliat sedikit dan ramai pelanggan tak dapat nak beli sayur.

"Kita tak boleh nak jual mahal di pasar kerana yang datang membeli bukanlah orang senang, ada juga golongan susah," ujarnya.

Katanya, kekurangan bekalan sayur termasuk sayur bendi yang kebiasaan dihantar pembekal sebanyak 30 kilogram (kg) sehari, namun kali ini hanya mampu menghantar 10kg sahaja dan ia tidak dapat menampung permintaan pelanggan.

Seorang lagi peniaga, Kalsom Kassim, 62, turut bersetuju berlaku kenaikan harga sayur-sayuran seperti tomato dari RM3 hingga RM5 sekilogram kini mencecah RM11 sekilogram.

"Itu belum lagi tomato yang rosak, jadi kita peniaga sayur-sayuran memang terkesan," katanya.

Kalsom berkata, disebabkan kekurangan bekalan, dia terpaksa menjual sayur-sayuran kepada pelanggan tetap sahaja terutama peniaga makanan.

Di JOHOR, beberapa peniaga yang ditemui di pasar awam di Pontian mendakwa bekalan yang diterima daripada pembekal bagi tomato cukup tinggi harganya menyebabkan harga jualan sayur itu terpaksa dinaikkan.

Peniaga, Siti Norlizah Rosmin, 56, berkata, tomato antara sayur-sayuran yang mengalami kenaikan harga ketara 100 peratus sejak hampir sebulan lalu.

"Kenaikan harga sayur sejak bulan November lalu menyebabkan harganya melambung sekali gus menjejaskan ekonomi peniaga dan pembeli.

"Tomato paling ketara naik, dahulu harganya cuma RM40 bagi 10kg yang dijual di dalam kotak tetapi sekarang harganya RM90 bagi 10kg.

"Begitu juga dengan daun sup, dahulu harganya RM15 sekilogram tetapi sekarang RM22 sekilogram. Sayur hijau seperti bendi, kangkung dan bayam turut berlaku kenaikan sekitar RM1.

"Kami peniaga perlu bijak atur harga jualan supaya munasabah. Kami juga tersepit kerana untung diperoleh sangat kecil," katanya.

Seorang lagi peniaga, Md Shukur Rosli, 40, pula mendakwa, kenaikan harga sayur tidak menentu sebelum ini dan kini harganya mendadak naik.

"Harga sayur naik turun sebelum ini tetapi sekarang macam melampau pula. Saya ambil contoh, tomato dahulu RM40 ringgit untuk 10 kilogram, sekarang RM90 bagi 10 kilogram.

"Ada juga pembeli yang tanya sebab harga sayur naik. Kami peniaga terima bekalan daripada pemborong pun dah tinggi harganya," jelasnya.

Peniaga dan pelanggan di Pasar Awam Tanjong Karang mengaku berlaku kenaikan harga sayuran sejak tujuh hari lalu.



Cuaca buruk, banjir punca tanaman sayur kurang hasil

SHAH ALAM - Persatuan Pekebun Sayur Cameron Highlands menjelaskan faktor cuaca menjadi punca kenaikan harga sayur-sayuran tempatan.

Seliasaha Persatuan Pekebun Sayur Cameron Highlands, Chay Ee Mong berkata, isu seperti hujan dan banjir itu didapati mengurangkan penghasilan tanaman, sekali gus menjejaskan rantaian pengeluaran.

Namun, beliau berkata, kenaikan harga sayur-sayuran dilakukan pihak pemborong bukan petani.

"Sekarang ini cuaca buruk

selain kerap hujan, suhu malam boleh mencapai hingga 12 darjah Celsius menyebabkan penanaman sayur kurang mendapat hasilnya.

"Susulan itu, pengeluaran sayur berkurangan tetapi permintaan tinggi, sekali gus mengakibatkan harga melonjak naik," ujarnya.

Menurutnya, harga sayur yang naik seperti tomat, bendi, terung, kekacang termasuk timun. Kesan harga timun pula disebabkan banjir di Johor baru-baru ini, cuaca buruk tersebut berlarutan sejak Disember hingga Januari.

"Namun lonjakan harga itu

bukan petani (putuskan) sebaliknya pemborong, yang mengikut *demand and supply* (permintaan dan penawaran) itu," katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai dakwaan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) bahawa harga sayur-sayuran meningkat sehingga 160 peratus sejak sebulan lalu.

Sementara itu, Ee Mong berkata, pihak mereka juga rusing apabila memikirkan jika hujan masih berlarutan boleh mendatangkan risiko wabak kepada tanaman.

"Kos penanaman tinggi tidak menjadi masalah cuma apabila

pengeluaran kurang kerana hujan menyebabkan kelembapan tinggi, mendatangkan risiko wabak terhadap tanaman.

"Tetapi, jangkaan kenaikan harga sayur itu tidak dapat dipastikan sehingga bila. Namun ada ramalan mengatakan sehingga Mac jadi jika itu berlaku, bukan pengguna sahaja yang susah hati (disebabkan harga), kita sebagai petani pun sama, tiada pengeluaran, bayaran (pendapatan) pun rendah," ujarnya.

Pengerusi Persatuan Pekebun Melayu Cameron Highlands, Datuk Syed Abd Rahman Syed Abd Rashid pula

memaklumkan pengeluaran sayur kini dilihat berkurangan sebanyak 25 peratus disebabkan hujan.

"Harga sayur naik kerana cuaca tidak begitu baik. Selama tiga bulan, hujan kerap turun dan mata air pun tiada jadi pengeluaran (sayur) itu kurang. Selain itu, kualiti sayur-sayuran jika tiada pelindungan hujan, tidak begitu baik.

"Pengeluaran sayur kini berkurangan kira-kira 25 peratus, sekali gus menyebabkan harga sedikit meningkat. Kebanyakan sayur yang naik adalah seperti cili, tomat, kobis," jelasnya.

Peniaga sayur berdepan risiko kerugian

Perniagaan merosot apabila pelanggan kurangkan pembelian, stok juga tidak boleh disimpan lama

KUANTAN

Kenaikan harga beberapa jenis sayur sehingga mencecah hampir 100 peratus turut berlaku di negeri ini bukan sahaja membebankan pengguna, malah turut memberi kesan kepada peniaga sayur sendiri.

Tinjauan *Sinar Harian* di Pasar Besar Kuantan di sini mendapati rata-rata peniaga sayur meluahkan kebimbangan mereka kerana situasi itu akan menjejaskan perniagaan mereka sekiranya berlanjutan.

Peniaga sayur, Yong Wei Sing, 36, berkata, kenaikan harga sayur itu ketara berlaku selepas perayaan Tahun Baru Cina.

Menurutnya, kebanyakan sayur mengalami peningkatan harga, namun paling ketara tomat, bendi, kacang panjang dan timun.

"Sebelum ini, harga bagi sekilogram tomat dalam lingkungan RM8, namun kini RM11 manakala bendi dari RM8 kepada RM12 sekilogram.

"Timun sebelum ini kita boleh jual RM3 hingga RM4 sekilogram tapi sekarang mencecah RM6 begitu juga dengan kacang panjang dari RM7 kepada RM11," katanya.

Wei Sing berkata, sebagai peniaga dia terkesan dengan situasi itu kerana pengguna akan mengurangkan pembelian di-



Suasana gerai sayur di Pasar Besar Kuantan kelihatan lengang ketika tinjauan *Sinar Harian* pada Khamis.

"Beberapa peniaga kedai runcit yang selalu dapatkan bekalan sayur di gerai saya ini juga hentikan pembelian kerana isu kenaikan harga ini.

"Bila harga tinggi, mereka bimbang tidak dapat menjualnya dan terpaksa mengalami kerugian," ujarnya.

Seorang lagi peniaga sayur, Yusaini Arif Abu Bakar, 53, pula berkata, isu kenaikan harga sayur bukan isu baharu, sebaliknya berlaku setiap tahun atas beberapa faktor.

Menurutnya, keadaan itu memang membebankan peniaga namun tidak boleh dielakkan.

"Kenaikan harga sayur ketika ini lebih kepada faktor cuaca ekoran musim hujan sejak penghujung tahun lalu dan keadaannya masih tidak menentu hingga kini.

"Kita akui kerana pihak pekebun tidak dapat menanam sayur mengikut pusingan seperti biasa disebabkan faktor cuaca. Bila proses penanaman terganggu, hasil tidak dapat dituai mengikut jadual hingga berlaku kekurangan bekalan," katanya.

Dia yang berniaga sayur sejak 30 lalu memahami situasi itu namun berharap ia tidak berpanjangan.

"Bila pelanggan merungut harga tinggi, kita pun tidak seronok kerana permintaan akan merosot.

"Sebab itu sekarang ini saya kurangkan sedikit pembelian stok bagi mengelak kerugian kerana sayur tidak boleh disimpan lama, cepat rosak," jelasnya.

Sementara itu, bagi Mohd Nasrul Harun, 32, kenaikan harga sayur memaksa peniaga sepertinya mengeluarkan kos modal yang tinggi dan potensi rugi agak besar sekiranya pelanggan mengurangkan pembelian.

Bagaimanapun, katanya, ketika ini perniagaannya berjalan seperti biasa kerana sayur adalah keperluan setiap hari.

"Pelanggan tetap datang cuma paling bimbang, kenaikan harga ini akan melabatkan semua jenis sayuran. Kita untung kecil sahaja, jadi kalau pengeluaran kurang, itu masalah besar," katanya.

REAKSI

“

Kenaikan harga sayur ketika ini menambahkan bebanan saya apabila terpaksa mengeluarkan kos lebih tinggi. Sebagai pengusaha catering, saya terpaksa beli walaupun harga mahal bagi memenuhi tempahan pelanggan sedangkan harga makanan masih kekal sama. Kalau dulu saya beli hari-hari untuk stok dan keperluan, namun sekarang beli hanya bila ada tempahan sahaja bagi mengurangkan kos."

- Suhaila Mohd Zain, 50

“

Pihak berwajib perlu segera menangani isu kenaikan harga sayur-sayuran ini kerana bahan mentah tersebut menjadi keperluan dan makanan harian orang ramai. Dulu tekor, lepas itu ayam dan sekarang sayur pula. Talanglah ambil tindakan segera kerana yang sangat terkesan dengan isu kenaikan harga ini adalah rakyat."

- Geeta Sangran, 52

“

Kenaikan harga sayur dianggap seiring dengan harga barang yang semakin meningkat. Rakyat tiada pilihan melainkan terpaksa juga membeli sayuran untuk hidangan keluarga. Sayur ini sudah menjadi keperluan, mungkin jika harga naik kita boleh kurangkan kuantitinya."

- Abdul Razak Hashim, 68